



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA
Consumer Price Index
(Jan 2015=100)

OGOS 2023
AUGUST 2023



INDEKS HARGA PENGGUNA

OGOS 2023

Bulan-ke-Bulan

Julai 23 | Ogos 23

0.4%

Tahun-ke-Tahun

Ogos 22 | Ogos 23

0.1%

Bulan-ke-Bulan



Tahun-ke-Tahun



Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barang dan perkhidmatan IHP yang bernilai **BND100.00** pada bulan **Januari 2015** kini bernilai **BND107.07** pada bulan **Ogos 2023**

Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan dan
Minuman Ringan

1.7%

Minuman Ringan



Makanan



Bukan Makanan

0.6%

Pengangkutan

3.5%

Perhubungan

3.1%

Pakaian dan Kasut

1.3%

Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

INDEKS HARGA PENGGUNA
OGOS 2023
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) TAHUN-KE-TAHUN MENUNJUKKAN PENURUNAN SEBANYAK 0.1 PERATUS BAGI BULAN OGOS 2023

1. Bagi bulan Ogos 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) tahun-ke-tahun menunjukkan penurunan sebanyak 0.1 peratus berbanding dengan bulan Ogos 2022. Penurunan ini adalah didorong oleh penurunan sebanyak 0.6 peratus pada harga Bukan Makanan. Manakala, harga Makanan dan Minuman Ringan pula menunjukkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus.
2. Penurunan tahun-ke-tahun bagi harga Bukan Makanan adalah disebabkan oleh penurunan harga Pengangkutan (3.5 peratus) terutamanya didorong oleh penurunan harga kereta; Perhubungan (3.1 peratus), khususnya perkhidmatan telefon dan telefaks; dan Pakaian dan Kasut (1.3 peratus) selaras dengan penurunan harga bahan pakaian.
3. Walau bagaimanapun, penurunan tahun-ke-tahun ini diimbangi oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minuman rendah gula; dan harga produk berasaskan gandum.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus didorong oleh peningkatan harga Bukan Makanan; dan harga Makanan dan Minuman Ringan masing-masing sebanyak 0.4 peratus dan 0.2 peratus.
5. Peningkatan bulan-ke-bulan bagi harga Bukan Makanan adalah disumbangkan oleh Pakaian dan Kasut (5.9 peratus); Perhiasan, Perkakasan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (0.9 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (0.3 peratus). Manakala, peningkatan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga Minuman Ringan (2.7 peratus); Buah-Buahan (0.3 peratus); dan Gula, Jem, Madu, Coklat dan Yang Diawet (0.2 peratus).
6. IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Ogos 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



CONSUMER PRICE INDEX

AUGUST 2023

Month-on-Month

Jul 23 | Aug 23

0.4%

Year-on-Year

Aug 22 | Aug 23

0.1%

Month-on-Month



Year-on-Year



Base Year (Jan 2015=100)



The same CPI basket of goods and services worth **BND100.00** in **January 2015** is now worth **BND107.07** in **August 2023**

Main Contributors

Year-on-Year

Food and Non-Alcoholic Beverages

1.7%

Non-Alcoholic Beverages



Food



Non-Food

0.6%

Transport



Communication

3.1%

Clothing and Footwear



Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

CONSUMER PRICE INDEX
AUGUST 2023
BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

CONSUMER PRICE INDEX (CPI) RECORDED A YEAR-ON-YEAR DECREASE OF 0.1 PER CENT IN AUGUST 2023

1. *In August 2023, the Consumer Price Index (CPI) recorded a year-on-year decrease of 0.1 per cent compared to August 2022. The decline was driven by a 0.6 per cent decrease in Non-Food prices. Meanwhile, Food and Non-Alcoholic Beverages prices recorded an increase of 1.7 per cent.*
2. *The year-on-year decrease in Non-Food prices was due to a fall in the prices of Transport price (3.5 per cent) mainly driven by the decrease in motor cars prices; Communication (3.1 per cent), particularly telephone and telefax services; and Clothing and Footwear (1.3 per cent) in line with the fall in the prices of clothing material.*
3. *However, the year-on-year decrease was moderated by an increase in Food and Non-Alcoholic Beverages mainly due to the rise in the prices of low sugar drinks; and wheat products.*
4. *For month-on-month changes, the CPI showed an increase of 0.4 per cent, attributed to an increase in both Non-Food; and Food and Non-Alcoholic Beverages prices by 0.4 per cent and 0.2 per cent, respectively.*
5. *The month-on-month increase in Non-Food prices was contributed by the prices of Clothing and Footwear (5.9 per cent); Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (0.9 per cent); and Recreation and Culture (0.3 per cent). Meanwhile, the increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was mainly contributed by the rise in the prices of Non-Alcoholic Beverages (2.7 per cent); Fruits (0.3 per cent); and Sugar, Jam, Honey, Chocolate and Confectionery (0.2 per cent).*
6. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for August 2023 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*